

KESANGGUPAN UNTUK MEMBAYAR KE DESTINASI EKOPELANCONGAN HUTAN PAYA BAKAU TAMAN NEGARA JOHOR TANJUNG PIAI

WILLINGNESS TO PAY FOR MANGROVE ECOTOURISM DESTINATION AT TANJUNG PIAI JOHOR NATIONAL PARK

Jabil Mapjabil¹, Nur Ain Fariza Amin Nordin², Kasim Mansur³, Harifah Mohd Noor⁴,
Datu Razali Datu Eranza⁵, Siti Aidah Lukin @ Lokin⁶, Nabila Farysha Dering⁷

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: jabilums@edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: ainfariza@gmail.com)

³Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: kmansur@ums.edu.my)

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: harifah@ums.edu.my)

⁵Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: drde@ums.edu.my)

⁶Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: sitiaida@ums.edu.my)

⁷Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: nabilafarysha97@gmail.com)

Article history

Received date : 19-9-2020
Revised date : 20-9-2020
Accepted date : 15-10-2020
Published date : 15-10-2020

To cite this document:

Jabil Mapjabil, Nur Ain Fariza Amin Nordin, Kasim Mansur, Harifah Mohd Noor, Datu Razali Datu Eranza, Siti Aidah Lukin @Lokin & Nabila Farysha Dering (2020). Kesanggupan untuk membayar ke destinasi ekopelancongan hutan paya bakau Taman Negara Johor Tanjung Piai. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 3(7), 36 - 47.

Abstrak: Kajian terhadap kesanggupan untuk membayar dan ekopelancongan didapati masih terpisah dan tidak seimbang. Malahan, hanya sedikit kajian yang menjelaskan sebab seseorang pelancong berminat dengan aktiviti ekopelancongan dan sanggup untuk membayar yuran yang dikenakan. Artikel ini meneliti tentang penilaian terhadap kesanggupan untuk membayar dalam kalangan pengunjung dan pelancong ke destinasi ekopelancongan hutan paya bakau di Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP). Objektif kajian ini ialah mengenal pasti tahap dan nilai kesanggupan untuk membayar (WTP) oleh pengunjung dan pelancong. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam, temu bual tidak langsung dan pemerhatian. Seramai 40 orang informan dipilih dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati kesedaran majoriti informan terhadap tahap kesanggupan untuk membayar adalah sederhana. Rata-rata informan tidak peka dengan harga yang ditawarkan kepada mereka. Namun begitu, majoriti daripada mereka berpuas hati dengan nilai kadar bayaran yang ditetapkan. Latar belakang sosiobudaya dan mentaliti penduduk di negara ini mempengaruhi keprihatinan terhadap isu WTP. Dalam jangka panjang, pihak pengurusan taman negara ini perlu proaktif

untuk merangka strategi agar kadar bayaran yang dikenakan berpadanan dengan segala kemudahan, tarikan semula jadi, layanan dan perkhidmatan kakitangan di taman negara ini.

Kata Kunci: *Kesanggupan untuk Membayar, Ekopelancongan, Pelancong, Hutan Paya Bakau, Taman Negara Johor Tanjung Piai*

Abstract: *Studies on the willingness to pay and ecotourism are still fragmented and imbalance. In fact, only a few studies explain why a tourist is interested in ecotourism activities and is willing to pay for the fees charged. This article examines the evaluation of the willingness to pay among visitors and tourists to the ecotourism destination of mangrove swamp forest in Tanjung Piai Johor National Park. The objective of the study was to identify the level and value of willingness to pay (WTP) by visitors and tourists. The study uses qualitative approach through in-depth interviews, indirect interviews and observations. A total of 40 informants were sampled in this study. The results of the study found that the majority of informants on the level of willingness to pay is moderate. The average informants were not sensitive to the price offered to them. However, the majority of them are satisfied with the value of the set payment rate. The socio-cultural background and mentality of the people in the country influence concerns over willingness to pay issue. In the long run, the management of this national park needs to be proactive to formulate strategies so that the rates charged are worth all the facilities, natural attractions, hospitalities and services of staffs in this national park.*

Keywords: *Willingness to Pay, Ecotourism, Tourist, Mangrove, Tanjung Piai Johor National Park*

Pengenalan

Ekopelancongan adalah pengembaraan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam menikmati dan menghayati pengalaman daripada alam semula jadi dan kebudayaan. Ekopelancongan seharusnya mempunyai impak yang rendah terhadap alam sekitar dan perlu menyumbang untuk kesejahteraan penduduk tempatan. Maksud yang lazim untuk konsep ekopelancongan ialah suatu perjalanan yang berasaskan alam semula jadi dan mempunyai nilai estetika yang cukup untuk digunakan tanpa menjejaskan sumber asalnya. Fennell (1999) mentakrifkan ekopelancongan sebagai satu bentuk pelancongan lestari yang berasaskan sumber semula jadi serta memberi tumpuan terutamanya untuk mengalami dan mempelajari tentang alam semula jadi. Ekopelancongan turut mementingkan aspek etika dan melibatkan impak yang rendah, bukan bersifat konsumtif dan berorientasikan tempatan, iaitu kawalan, faedah dan skala. Hal ini biasanya berlaku dalam kawasan alam semula jadi. Peranan ekopelancongan itu sendiri harus menyumbang terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan tersebut.

Kajian awal mengenai kesanggupan untuk membayar ataupun *willingness to pay* telah dijalankan oleh Whittington et al. pada tahun 1990. Penyelidikan ini adalah mengenai penganggaran kesanggupan untuk membayar perkhidmatan air domestik di negara-negara membangun, iaitu kajian kes secara mendalam bagi penyiasatan penggunaan penilaian kontingen ataupun *contingent valuation method* (CVM) di selatan Haiti. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memperbaiki kualiti dan kuantiti air yang digunakan oleh penduduk tempatan di kawasan yang sedang membangun melalui dua aspek, iaitu pembekalan air yang sudah dibangunkan dan masih digunakan ataupun tidak lagi digunakan serta penambahbaikan perkhidmatan air domestik kepada penduduk tempatan.

Terdapat banyak kajian yang dijalankan tentang kesanggupan membayar untuk tujuan isu-isu persekitaran dan kaitannya dengan sektor pelancongan, antaranya seperti aspek pemuliharaan dan perlindungan kawasan semula jadi (Subade & Francisco, 2014; Bruner et al., 2015), penambahbaikan dan penyelenggaraan kawasan pantai (Rodella et al., 2019), perlindungan spesies marin (Sayan et al., 2011), pemulihan dan pemeliharaan untuk persekitaran ekosistem pantai (Matthews et al., 2017; Enríquez-Acevedo et al., 2018) dan pembangunan untuk perkhidmatan tambahan pelancong di pantai (Zang et al., 2015; Pragaya, 2017). Di Malaysia, terdapat beberapa kajian kesanggupan untuk membayar dan aspek pemuliharaan alam semula jadi seperti Fairuz (2014), Hun dan Anuar (2014) dan Nor Afiza et al. (2016).

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan keunikan hutan paya bakau. Hutan paya bakau yang terdapat di negara ini adalah seluas 586,036 hektar yang meliputi 57% di Sabah, 26% di Sarawak dan 17% lagi di Semenanjung Malaysia. Seterusnya, 28.7% ataupun 27,733 hektar daripada jumlah keluasan hutan paya bakau yang terdapat di Semenanjung Malaysia terletak di negeri Johor atau 4.7% keluasan daripada jumlah keseluruhan hutan bakau di Malaysia (Anne, 2008). Sehubungan dengan itu, artikel ini meneliti tentang kesanggupan untuk membayar dalam kalangan pengunjung dan pelancong ke destinasi ekopelancongan hutan paya bakau di Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP).

Sorotan Literatur

Kesanggupan untuk Membayar

Menurut Weaver dan Lawton (2007), kajian literatur yang berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar dan ekopelancongan masih terpisah dan tidak seimbang. Malahan, hanya sedikit kajian yang menjelaskan sebab seseorang pelancong berminat dengan aktiviti ekopelancongan dan sanggup untuk membayar yuran yang dikenakan. Untuk itu, pihak pengurusan pelancongan memerlukan anggaran yang realistik untuk permintaan pelancong eko dan kesanggupan untuk membayar untuk melaksanakan strategi penetapan bayaran yang lebih berkesan (Hultman et al., 2015).

John (2006) menjelaskan kesediaan dan kesanggupan untuk membayar adalah asas teori ekonomi yang bernilai. Menurutnya, jika terdapat idea yang bernilai dalam sesuatu perkara, maka idea tersebut bernilai untuk dibayar. Hal ini dikaitkan dengan sumber alam sekitar seperti kualiti air dan sumber semula jadi seperti pokok. Andaian utama beliau adalah nilai alam sekitar bersifat antropogenik. Kaedah ekonomi digunakan bagi membuat anggaran kesanggupan untuk membayar kepada perubahan dalam tahap kualiti alam sekitar, penggunaan sumber dan sebagainya.

Kajian oleh Hamidi dan Md Sirat (2016) mendapati pengaruh aspek pengalaman iaitu produk, perkhidmatan dan perasaan sangat mempengaruhi jangkauan kepuasan pelancong yang melibatkan pengalaman ekopelancongan. Ini dikukuhkan oleh kajian Pengwei et al. (2018) yang menegaskan pelancong sanggup membayar untuk menikmati sumber ekopelancongan di kawasan dilindungi. Namun begitu, sebahagian kecil pelancong tidak sanggup membayar kerana berpendapat bahawa ia merupakan tanggungjawab kerajaan menyediakan perkhidmatan tersebut kepada pelancong. Hal ini turut dipengaruhi oleh ciri sosial masyarakatnya yang kurang kesedaran terhadap kepentingan sumber kawasan yang dilindungi dan faktor pendapatan.

Kajian terhadap kesanggupan membayar (WTP) bagi tiket atau yuran masuk ke Taman Agro Teknologi MARDI turut dikaji oleh Fairuz (2014). Kajian ini menilai kesanggupan membayar

(WTP) terhadap pelancong tempatan dan pelancong asing yang berkunjung ke taman agro berkenaan. Kajian ini melibatkan 100 orang responden pelancong tempatan dan 100 orang responden pelancong asing. Dalam kajian ini, Kaedah Penilaian Kontingen (CVM) digunakan untuk menentukan kesanggupan membayar (WTP) dalam menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan 59% responden asing dan 56% responden tempatan bersedia untuk membayar kos pembinaan Pusat Kesihatan dan Spa. Jumlah tawaran dan pendapatan adalah faktor utama yang mempengaruhi WTP bagi kedua-dua kategori responden berkenaan. Penyelidik menganggarkan min WTP bagi pelancong tempatan dan asing untuk penambahan bayaran masuk ialah masing-masing dalam RM6.35 dan RM7.20.

Seterusnya, Hun dan Anuar (2014) meneliti tentang kesanggupan untuk membayar (WTP) bagi kemudahan perkhidmatan ekopelancongan awam, iaitu Taman Negara dan Zoo Negara di Malaysia. Kaedah Penilaian Kontingen (CVM) digunakan oleh pengkaji bagi menganggarkan nilai pasaran di kawasan kajian yang semakin membimbangkan. Seramai 100 orang responden tempatan dan antarabangsa terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan Taman Negara boleh memberikan pengalaman baharu kepada pengunjung dengan landskap semula jadi yang indah. Walau bagaimanapun, responden berpendapat kemudahan jalan ke Taman Negara adalah dalam keadaan yang tidak memuaskan dan bayaran tiket yang dikenakan bagi perkhidmatan bot pula terlalu tinggi. Zoo Negara didapati masih menjadi salah satu tempat yang paling kerap dilawati. Memandangkan pertumbuhan ekonomi negara semakin meningkat, rakyat akan menuntut untuk perkhidmatan yang lebih baik dan pertambahan kemudahan lain atau kesanggupan untuk membayar (WTP) akan terjejas. Oleh itu, agensi kerajaan berperanan penting untuk menaik taraf perkhidmatan dan kemudahan mereka dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan rakyat.

Nuva et al. (2009) pula menjalankan kajian kesanggupan untuk membayar (WTP) di kawasan Pemuliharaan Sumber Ekopelancongan di Taman Negara Gunung Pangrango (TNGP), Jawa Barat, Indonesia. Kaedah Penilaian Kontingen (CVM) digunakan untuk menentukan kesanggupan membayar (WTP). Untuk itu, seramai 423 orang responden ditemu bual dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pengunjung berpuas hati dengan tarikan ekopelancongan di TNGP. Majoriti daripada mereka datang ke TNGP lebih daripada sekali. Dalam usaha untuk mengekalkan faedah yang diperolehi daripada sumber dan tarikan di taman negara itu, pengunjung bersetuju agar pelbagai organisasi yang berkaitan agar bekerjasama untuk memulihara dan melindungi sumber ekopelancongan di taman berkenaan. Pemuliharaan sumber ekopelancongan di TNGP memberi manfaat daripada aspek ekonomi yang diukur menggunakan WTP pengunjung untuk bayaran tiket masuk yang lebih tinggi ke taman negara tersebut. Secara keseluruhan, kadar WTP di TNGP adalah sebanyak RM2,130.51 setiap sesi lawatan. Pada tahun 2004, manfaat pemuliharaan sumber ekopelancongan di TNGP dianggarkan berjumlah RM12,6215.09.

Kajian Weerakoon et al. (2010) adalah mengenai kesanggupan untuk membayar (WTP) pengunjung tempatan dan pengunjung luar negara yang berkaitan dengan tahap kepuasan dan usaha pemuliharaan di Hutan Simpan Hurulu di Sri Lanka. Kaedah Penilaian Kontingen (CVM) digunakan dalam kajian ini. Keputusan analisa CVM responden menunjukkan lebih 85% daripada pengunjung asing dan lebih 80% daripada pengunjung tempatan bersedia membayar bayaran tiket masuk yang berfokus ke arah peningkatan kemudahan ekopelancongan dan pemuliharaan alam sekitar yang dicadangkan oleh hutan simpan berkenaan. Secara keseluruhannya, pendapatan bulanan purata responden menjadi faktor utama yang mempengaruhi WTP kedua-dua responden pengunjung dalam dan luar negeri. Hasil analisis

menunjukkan manfaat rekreasi yang diterima oleh pengunjung adalah lebih tinggi daripada jumlah yang mereka bayar buat masa ini.

Rahim et al. (2013) pula meneliti tentang kesanggupan membayar di Hutan Bandar Shorab, Iran. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti WTP pengunjung di kawasan hutan bandar berkenaan. Kaedah Penilaian Kontingen (CVM) digunakan bagi menganggarkan kesanggupan untuk membayar (WTP) ini. Seramai 210 orang responden ditemu bual menggunakan kaedah borang soal selidik. Responden turut ditanya tentang jumlah maksimum yang mereka sanggup untuk membayar bagi harga tiket masuk. Dapatan kajian menunjukkan jantina, peringkat umur berbeza dan tahap pendidikan tertentu menggunakan taman ini untuk tujuan rekreasi. Objektif utama kajian ini dikaji secara umum dalam kesanggupan untuk membayar adalah bagi menjadikan perkhidmatan ekosistem yang lebih baik di hutan bandar Shorab Khoram Abad. Dapatan yang diberikan akan membantu pengurus dan pengguna untuk membuat keputusan yang tepat dan mempertimbangkan keseimbangan ke atas pelaburan hutan bandar.

Kawasan Kajian

Adnan (2014) menjelaskan benua Asia bermula dari garis bujur 28° Timur di Turki sehingga 170° Barat di Semenanjung Kamchatka dan dari garis lintang 10° Selatan sehingga 75° Utara. Benua Asia direntasi oleh Garisan Artik, Garisan Sartan dan Garisan Khatulistiwa. Titik paling akhir Benua Asia terletak di Tanjung Piai dalam daerah Pontian, Johor pada latitud 01.16° dan longitud 103.30.46° Timur. Tanjung Piai terletak kira-kira 75 kilometer dari bandar raya Johor Bahru. Perjalanan perlu melalui Lebuhraya Utara-Selatan dan mengambil susur keluar ke Simpang Renggam menuju ke Benut. Seterusnya, apabila sampai ke Pontian melalui Benut, perjalanan perlu diteruskan lagi untuk ke Kukup. Tanjung Piai terletak di Kukup, Pontian.

Hutan bakau yang digazetkan sebagai Hutan Bakau Simpan di Semenanjung Malaysia adalah di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan. Hutan bakau yang direzabkan sebagai Taman Negara dan Tapak Ramsar oleh kerajaan negeri Johor pula adalah di bawah pengurusan dan pengawasan Perbadanan Taman Negara Johor. Sejarah Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP) sebelum dijadikan taman negara adalah kawasan Tanjung Piai itu sendiri pada mulanya adalah sebahagian daripada Hutan Paya Bakau Simpan Sungai Pulai yang diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung. Pada tahun 1997, Taman Negara Johor Tanjung Piai telah diluluskan penggazetannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Selepas itu, segala kajian dan pemerhatian ekologi dijalankan oleh Wetlands International Malaysia pada tahun 2001. Pada tahun 2002, taman negara ini dibuka kepada orang awam di bawah pengurusan Pejabat Daerah Pontian. Seterusnya, pada 31 Januari 2003, taman negara ini telah diisytiharkan sebagai Tapak Ramsar serta direzabkan menjadi Taman Negara Johor, Tanjung Piai pada 26 Februari 2004 (Anne, 2008). Sehingga kajian ini dilakukan, TNJTP telah genap 11 tahun berstatus taman negara dan memasuki 13 tahun dibuka kepada orang awam.

Tanjung Piai dinamakan sempena dengan nama sejenis pokok paku pakis yang dikenali dengan nama pokok Piai. Pokok Piai ini adalah sejenis paku pakis yang boleh bertahan di kawasan yang berkemasinan tinggi. Selain itu, Taman Negara Johor Tanjung Piai ini terkenal dengan gelaran 'Penghujung Selatan Tanah Besar Asia' pada kedudukan latitud 01°16.00' Utara dan longitud 103°30.46' Timur. Keluasan keseluruhan kawasan adalah 926 hektar iaitu 526 hektar daripadanya adalah hutan paya bakau manakala 400 hektar lagi adalah dataran lumpur. Taman negara ini penting kerana terdapatnya pelbagai spesies tumbuhan bakau. Selain sebagai penampungan ombak, kawasan ini turut menjadi habitat bagi pelbagai spesies fauna. Terdapat beberapa spesies tumbuhan bakau di Tanjung Piai, antaranya adalah *Rhizophora*, *Avicennia*,

Sonneratia dan *Bruguiera*. Hidupan liar pula terdiri daripada lotong cikong, kera, babi hutan, memerang kecil, burung botak, burung helang kuik, pucong kelabu, pucong kecil, biawak air, mengkarung bakau, ketam rebab, pelbagai jenis moluska (siput mata merah, siput timba, berongan dan lokan), udang galah lumpur, belangkas, ikan tembakul, kunang-kunang dan sebagainya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual tidak langsung, temu bual mendalam dan pemerhatian di samping rujukan pelbagai sumber sekunder. Menurut Chua (2006), kajian kualitatif memerlukan pemerhatian yang teliti. Banyak unsur seperti emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan keadaan semula jadi individu atau kumpulan tertentu adalah lebih sesuai diselidik menggunakan pendekatan kualitatif. Hal ini kerana kesemua elemen tersebut tidak dapat dihuraikan dengan angka dalam data kuantitatif sahaja. Seramai 40 orang informan daripada kalangan pengunjung dan pelancong telah ditemu bual secara tidak langsung menggunakan borang panduan temu bual. Dalam kajian ini, seramai tiga orang pegawai (iaitu Pegawai A, B dan C) turut ditemu bual untuk memperolehi maklumat dan data mengenai TNJTP seperti sejarah taman negara, kadar kemasukan pelancong, tarikan utama di taman negara dan sebagainya. Kaedah pemerhatian di kawasan kajian pula membantu penyelidik untuk melihat sendiri pergerakan keluar masuk pelancong asing, pelancong domestik, pengunjung dan penduduk tempatan yang berkunjung ke Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP). Penyelidik dapat meninjau persekitaran kawasan kajian serta mengambil foto yang boleh dijadikan bukti kajian.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Profil Informan

Dalam kajian ini, seramai 40 orang informan ditemu bual bagi mendapatkan maklumat tentang tahap dan nilai kesanggupan membayar yuran masuk ke Taman Negara Johor Tanjung Piai. Setiap informan ditandakan dengan Informan 1 (I1) sehingga Informan ke-40 (I40). Informan terdiri daripada empat kategori, iaitu penduduk tempatan seramai 10 orang, pengunjung ataupun pelawat harian – 21 orang, pelancong domestik – lapan orang dan pelancong asing – satu orang sahaja. Seramai 14 orang informan lelaki dan 26 orang perempuan terlibat dalam kajian ini. Majoritinya berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 40 tahun iaitu seramai 33 orang (82.5%).

Dari segi status perkahwinan, 18 orang informan adalah bujang manakala 22 orang lagi sudah berkahwin. Majoriti informan adalah pelajar ataupun lepasan pengajian tinggi iaitu 26 orang. Seramai 14 orang bekerja di sektor awam, 14 orang di sektor swasta, tiga orang bekerja sendiri, suri rumah seramai dua orang serta tujuh orang lagi adalah pelajar. Kebanyakan informan memiliki pendapatan antara RM 1,001 hingga RM 4,000 iaitu 22 orang (55%).

Tahap Kesanggupan untuk Membayar oleh Pengunjung dan Pelancong di Taman Negara Johor Tanjung Piai

Kesanggupan untuk membayar dalam kawasan ekopelancongan yang ingin dilawati oleh pengunjung dan pelancong adalah berbeza. Hal ini bergantung kepada kerelaan seseorang individu itu sendiri. Dalam kajian ini, tahap dan nilai kesanggupan untuk membayar dikaji dan diteliti agar dapat memberi kesedaran kepada pengunjung dan pelancong tentang pentingnya isu ini kepada mereka. Hasil kajian mendapati majoriti informan yang ditemu bual menyatakan kesedaran terhadap tahap kesanggupan untuk membayar adalah sederhana. Seramai tujuh orang informan berpendapat tahap WTP mereka adalah rendah dan hanya sebahagian kecil

daripada informan yang berada pada tahap WTP yang tinggi. Bayaran yang dikenakan kepada pengunjung dan pelancong tempatan adalah sebanyak RM5.00, kanak-kanak – RM3.00 manakala pelancong antarabangsa diikenakan sebanyak RM10.00.

Suatu kajian telah dilakukan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan di Kuala Sepetang tentang kesanggupan membayar dalam kalangan pengunjung di Pusat Ekopelajaran Hutan Paya Laut Matang. Hasil kajian menunjukkan berlaku ketidakadilan dalam peletakan harga kepada pengunjung, iaitu bayaran daripada RM1.00 hingga RM10.00 adalah tidak adil terutamanya kepada penduduk tempatan (Zulnaidah & Mohd Hakimi, 2010). Kerajaan akan mengambil kira semua respon dan input yang diberikan kepada penduduk bagi memastikan usaha pembangunan kawasan tersebut memberi manfaat kepada semua pihak. Berlainan pula dengan pihak pengurusan di TNJTP, pekerja memberi potongan harga mengikut belas ihsan terhadap pengunjung. Menurut seorang informan:

Tadi pak cik tak bayar lima ringgit pun. Pak cik bagi tahu dekat dia, pak cik ni orang Johor, takkanlah tak dapat harga murah. Lepas itu, dia pun bagi pak cik, isteri dengan anak pakcik bayar tiga ringgit seorang.

(Informan 8, Pengunjung, Pekerja Sektor Swasta)

Seorang lagi informan turut menyatakan pendapatnya:

Ehh, ada dapat harga diskaun ke? Kalau saya tahu tadi, saya pun mintak harga kurang jugak. Sebab saya pun penduduk asal sini, ruginya tak dapat harga potongan tu.

(Informan 22, Pengunjung, Pekerja Sektor Awam)

Berikut adalah respon daripada pihak pengurusan mengenai harga bayaran yang ditetapkan:

Kalau diikutkan, kita punya bayaran ni memang dah tertakluk kepada pihak pengurusan atasan, iaitu apabila kita koyakkan tiket, tiket itu telah ditetapkan harga. Jadi, bila kata sesuatu group itu nak mintak pengurangan harga, dia akan berurusan dengan pihak atasan, iaitu HQ. Biasanya kesanggupan bayaran untuk pelawat datang ke sini, ...ada yang mempertikaikan harga itu dan ada yang tiada masalah. Kesanggupan itu datang daripada pelawat itu sendiri. Jika dia rasa dia nak masuk ke Taman Negara Tanjung Piai, dia nak tengok alam sekitar yang tak berapa tahun lagi akan hilang ni, aaa.. dia akan hargailah. Tapi kalau macam dalam 5 ringgit ataupun 3 ringgit itu dia susah nak bayar, kita tak boleh nak cakap apalah... Kita alu-alukan kedatangan mereka, tapi itu pun ada had kapasiti. Had kapasiti maknanya kita tak nak dalam satu hari itu sampai dua ribu, tiga ribu, pasal apa? Kita punya boardwalk, fasiliti agak membimbangkan untuk satu-satu group yang banyak macam tu. Kesanggupan bayaran itu... saya fikir daripada individu ataupun pelawat itu sendiri. Jadi, ada yang sanggup bayar dan tiada argument, dan ada yang tak sanggup bayar pasal ada argument. Biasanya yang tak sanggup nak bayar ni pelawat dari luar negaralah kerana bayaran itu agak tinggi. Kalau orang dewasa sehingga mencecah RM20.00 seorang dan pelajar RM10.00.'

(Pegawai A, TNJTP)

Menurut beliau lagi, buat masa ini tiada lagi pengurangan harga bagi pelawat yang datang ke TNJTP. Beliau menegaskan:

Misalnya dia mintak pengurangan bayaran atau pengecualian bayaran, kita daripada pihak TNJTP tidak boleh nak terus bagi, maknanya dia kena berurusan dengan secara protokol, mintak kelulusan daripada pihak atasan, iaitu pengarah Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), jika diluluskan, dia bawak surat tu, barulah kita bagi dia masuk ataupun entertain dialah...

(Pegawai A, TNJTP)

Sebagai perbandingan, hasil kajian Fairuz (2014) berkenaan dengan WTP bagi tiket atau yuran masuk ke Taman Agro Teknologi MARDI menunjukkan 59% responden asing dan 56% responden tempatan bersedia untuk membayar kos pembinaan Pusat Kesihatan dan Spa. Begitu juga dengan pengunjung dan pelancong yang datang ke TNJTP, secara keseluruhannya mereka sanggup untuk membayar nilai yuran masuk yang ditetapkan oleh pihak pengurusan TNJTP.

Nilai Bayaran atau Yuran yang Sanggup Dibayar oleh Pengunjung dan Pelancong

Untuk aspek bayaran yang dikenakan pula, rata-rata pengunjung dan pelancong tidak peka dengan harga yang ditawarkan kepada mereka dan berpendapat pihak yang sepatutnya bertanggungjawab menanggung kos lawatan ini adalah pihak kerajaan itu sendiri. Menurut Akbar Ali dan Lee (2009), punca majoriti pengunjung yang tidak sanggup membayar untuk mengekalkan dan memulihara keindahan Perkampungan Budaya Sarawak adalah kerana beranggapan pembiayaan pemuliharaan dan pengekalan sepatutnya tanggungjawab pihak kerajaan. Hal ini sedikit sebanyak berkaitan dengan kajian kes pengunjung dan pelancong yang mengunjungi TNJTP. Nilai bayaran yang sanggup dibayar oleh pengunjung dan pelancong ke TNJTP kebanyakannya adalah sebanyak RM5.00. Menurut salah seorang informan:

Lima ringgit tu dah cukup la. Saya datang dengan anak-anak lagi, kalau mahal sangat, saya pun tak nak datang.

(Informan 1, Pengunjung, Pekerja Sektor Awam)

Namun begitu, terdapat informan yang berasa tidak pasti tentang harga bayaran yang dikenakan:

Bayaran masa masuk tadi, akak kena lima ringgit. Kalau bayaran untuk kanak-kanak 3 ringgit rasanya. Bayaran untuk pelancong antarabangsa pulak akak tak pastilah adik.

(Informan 3, Pelancong Domestik, Pekerja Sektor Awam)

Untuk aspek kepuasan terhadap kesesuaian nilai kadar bayaran yang telah ditetapkan dengan segala kemudahan, tarikan semula jadi, layanan dan perkhidmatan kakitangan serta pengurusan secara keseluruhannya didapati majoriti informan berpuas hati dengan nilai kadar bayaran yang ditetapkan. Menurut seorang informan yang merupakan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia:

Bayaran yang dikenakan kepada saya adalah berbaloi kerana bagi saya kawasan persekitaran di sini cantik dan kemudahan seperti tempat rehat dan gazebo turut

disediakan. TNJTP sesuai untuk dikunjungi oleh sesiapa sahaja terutamanya bersama berkeluarga.

(Informan 4, Penduduk Tempatan, Pelajar)

Seorang informan lain yang berasal dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan jawapan seperti berikut:

Berpuas hati? Bagi saya, saya tidak berpuas hati dengan nilai kadar bayaran yang telah ditetapkan. Cuba awak tengok jalan yang menuju ke arah jeti tu, kayu-kayu jambatan tu macam dah nak reput. Kalau ada yang datang dengan anak-anak kecil, mesti berbahaya... Jadi, secara jujur, saya memang tidak berpuas hati.

(Informan 5, Penduduk Tempatan, Pekerja Sektor Awam)

Perkara yang sama turut disokong oleh seorang lagi informan:

Mak cik sangatlah tidak berpuas hati dengan nilai bayaran ni. Sebab apa... sayang, mak cik datang dari jauh dengan harapan yang berkobar-kobar nak ke tempat ni. Orang ramai cakap taman negara ni besar dan cantik, tapi bila mak cik masuk tadi, tengok-tengok banyak yang tak sempurna lagi kemudahannya, banyak lagi yang sedang diperbaiki. Mak cik kalau boleh nak menjejakkan kaki ke titik paling hujung Asia yang kat sana tu... sayang, tapi tempat itu masih diperbaiki. Kempunan mak cik nak ke situ.

(Informan 13, Pelancong Domestik, Pekerja Sektor Awam)

Beberapa orang informan lain memberikan respon seperti berikut:

Nilai kadar bayaran yang ada sekarang sesuai dengan tarikan taman negara ini, tapi pada masa akan datang, mungkin nilai ini boleh dinaikkan atas alasan yang tertentu.

(Informan 9, Pengunjung, Bekerja Sendiri)

Nilai kadar bayaran tadi sangat bersesuaian kerana alam sekitar memerlukan penjagaan oleh pihak yang berkepentingan.

(Informan 18, Pengunjung, Pelajar)

Berdasarkan hasil kajian Hun dan Anuar (2014) terhadap kesanggupan untuk membayar oleh pengunjung untuk jumlah yuran yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan. Rata-rata pengunjung dan pelancong bersedia untuk membayar yuran masuk dengan harga yang ditetapkan, namun mereka menuntut agar perkhidmatan yang lebih baik dan penambahbaikan kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan. Sehubungan dengan itu, dalam temu bual yang dijalankan, majoriti pengunjung dan pelancong yang ditemu bual bersedia untuk membayar yuran masuk yang telah ditetapkan dan berharap kemudahan di TNJTP dapat ditambah dari semasa ke semasa.

Nilai kadaran yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan TNJTP:

Kalau untuk tiket, satu tiket untuk warganegara terdapat dua harga, iaitu RM5.00 dewasa dan RM3.00 kanak-kanak, manakala untuk warga asing RM20.00 dewasa dan RM10.00 kanak-kanak. Lagi satu adalah tiket memancing, maknanya ada lima tiket semuanya. Lepas tu, untuk bayaran tambahan biasanya kita akan dikenakan untuk aktiviti secara berkumpulan melalui tempahan.

(Pegawai B, TNJTP)

Berdasarkan nilai bayaran yang dikenakan kepada pengunjung, pengkaji menanyakan sama ada nilai tersebut berbaloi ataupun tidak dengan tarikan yang terdapat di Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP). Seramai 32 orang informan berpuas hati dengan tarikan yang terdapat di TNJTP manakala 8 orang informan lain adalah sebaliknya. Menurut beberapa responden:

Berbaloilah kadar bayaran tadi. Kawasan alam semula jadi kat sini sangat unik dan cantik untuk bergambar. Macam tadi, saya nampak ada dua pasangan pengantin yang datang untuk bergambar dengan krew masing-masing.

(Informan 4, Penduduk Tempatan, Pelajar)

Yeah, RM5.00 is satisfactory at the moment.

(Informan 10, Pengunjung, Bekerja Sendiri)

Dari segi alam semula jadinya, bayaran tadi berbaloi tetapi dari segi kemudahan kepada pengunjung pula, banyak yang perlu diperbaiki.

(Informan 12, Pelancong Domestik, Pekerja Sektor Swasta)

It's not worth it. Nothing to see like exotic living. It must be some kind of animal that live here.

(Informan 14, Pelancong Antarabangsa, China)

Nilai yang dikenakan ini berbaloi sangat sebab tarikan hutan paya bakau tidak terdapat di semua tempat.

(Informan 17, Pengunjung, Pekerja Sektor Swasta)

Seorang informan lain mencadangkan kadar bayaran khas untuk pengunjung atau pelancong yang datang secara berkumpulan ke TNJTP:

Nilai kadar bayaran yang perlu diletakkan selepas ini sepatutnya RM25.00 bagi sekumpulan enam orang yang datang ke TNJTP manakala bagi sekumpulan enam orang pelancong asing yang datang ke TNJTP pula dikenakan bayaran sebanyak RM50.00.

(Informan 20, Penduduk Tempatan, Pekerja Sektor Swasta)

Sebagai perbandingan, hasil kajian Nuva et al. (2009) mendapati majoriti pengunjung dan pelancong berpuas hati dengan tarikan ekopelancongan di Taman Negara Gunung Pangrango (TNGP). Sehubungan dengan itu, kebanyakan pelancong berkunjung lebih daripada satu kali ke TNGP. Ini membuktikan mereka sanggup membayar untuk menikmati dan merasai sendiri pengalaman di taman negara tersebut. Namun begitu, masih belum ada kadar bayaran yang dikenakan oleh pihak taman negara untuk pengunjung dan pelancong yang datang secara berkumpulan ke TNJTP. Pengunjung dan pelancong di taman negara ini berpendapat kadar bayaran secara berkumpulan perlu diperkenalkan bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke TNJTP.

Kesimpulan

Idea dan kajian tentang kesanggupan untuk membayar (WTP) untuk memasuki satu-satu destinasi ekopelancongan di Malaysia adalah masih baharu berbanding di negara Barat. Latar belakang sosiobudaya dan mentaliti penduduk di negara ini mempengaruhi keprihatinan terhadap isu WTP. Namun begitu, tidak dapat dinafikan ada beberapa senario yang dapat diperhatikan. Pertama, ada individu yang tidak ambil peduli tentang jumlah kadar bayaran yang dikenakan. Kedua, terdapat sesetengah penduduk di negara ini yang terlalu kisah tentang bayaran masuk sehingga ke tahap mempertikaikan kadar bayaran dan merasakan keseluruhan urusan bayaran dan penyelenggaraan sepatutnya terletak di tangan pihak kerajaan. Manakala pelancong luar negara pula, meskipun di sesetengah negara, budaya WTP adalah sehati dengan sentimen dan keprihatinan untuk menjaga kelestarian alam sekitar, namun ada juga daripada mereka yang turut tidak berpuas hati dengan kadar bayaran yang dikenakan untuk memasuki TNJTP. Oleh itu, dalam jangka panjang, pihak pengurusan taman negara ini perlu proaktif untuk merangka strategi agar kadar bayaran yang dikenakan berbaloi dengan segala kemudahan, tarikan semula jadi, layanan dan perkhidmatan kakitangan di taman negara ini.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana NIC (SDN), 2019 bertajuk “Pola Tingkah Laku dan Pemetaan Ruang Keluaran Pelancong Berdasarkan Faktor Kuasa Beli dan Kesanggupan Membayar di Destinasi Pelancongan Terpilih di Negeri Sabah”. Kod geran SDN 0033-2019.

Rujukan

- Adnan Abdul Jamil. (2014). *Tanjung Piai : Penghujung Benua Asia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. [Http://lamanartikel.dbp.my/?p=379](http://lamanartikel.dbp.my/?p=379). Diakses pada 11 Disember 2019.
- Anne Majanil. (2008). *Penghujung Selatan Tanah Besar Asia*. Perbadanan Taman Negara Johor.
- Bruner, A., Kessy, B., Mnaya, J., Wakibara, J. & Maldonado, J. (2015). Tourists' willingness to pay to visit Tanzania's National Parks: A contingent valuation study. *Discussion Paper, Conservation Strategy Fund*, 1-40.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 : Kaedah Penyelidikan*. Universiti Putra Malaysia. Mc Graw Hill Education.
- Enríquez-Acevedo, T., Botero, C.M., Cantero-Rodelo, R., Pertuz, A. & Suárez, A. (2018). Willingness to pay for Beach Ecosystem Services: The case study of three Colombian beaches. *Ocean. Coast. Manag.*, 161, 96-104.
- Fennell, D. A. (1999). *Ecotourism : An Introduction*. New Fetter Lane. London. Routledge Taylor & Francis Group.
- Fairuz Puasa. (2014). *Willingness to Pay for an Entrance Fee : A Case Study of MARDI Agro Technology Park, Langkawi*. Universiti Utara Malaysia.

- Hamidi Ismail, & Md Sirat Abu. (2016). Pengaruh aspek pengalaman ekopelancongan terhadap jangkauan kepuasan pelancong di Malaysia: Kajian kes Melaka. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8), 100-109.
- Hultman, M., Kazeminia, A. & Ghasemi, V. (2015). Intention to visit and willingness to pay premium for ecotourism: The impact of attitude, materialism and motivation. *Journal of Business Research*, 68, 1854-1861.
- Hun S. D. & Anuar Alias. (2014). *Willingness to Pay for Public Ecotourism Services in Malaysia*. Faculty of Built Environment, University of Malaya.
- John Whitehead. (2006). *Willingness to Pay and Ecological Economics*. *Environmental Economics*. http://www.env-econ.net/2006/07/willingness_to_.html. Diakses pada 23 Mei 2019.
- Matthews, Y., Scarpa, R. & Marsh, D. (2017). Stability of willingness-to-pay for coastal management: A choice experiment across three time periods. *Ecol. Econ.*, 138, 64-73.
- Nor Afiza Abu Bakar, Alias Radam, Zaiton Samdin, Mohd Rusli Yacob. (2016). Willingness to Pay in Kubah National Park and Matang Wildlife Centre: A Contingent Valuation Method, *International Journal of Business Society*, 17(1),131-144.
- Nuva R., Mad Nasir Shamsudin, Alias Radam & Ahmad Shuib. (2009). Willingness to pay towards the conservation of ecotourism resources at Gunung Gede Pangrango National Park, West Java, Indonesia. *Journal of Sustainable Development*, 2(2), 173-186.
- Pengwei, W., Pengwei, W., Linsheng, Z., Linsheng, Z. (2018). Tourist willingness to pay for protected area ecotourism resources and influencing factors at the Hulun Lake protected area. *Journal of Resources and Ecology*, 9(2), 174-181.
- Pragaya, P. (2017). Estimating the value of beach recreation for locals in the great barrier reef marine park, Australia. *Econ. Anal. Policy*, 53, 9-18.
- Rahim Maleknia, Mohsen Nourzad Moghaddam, Shirzad Geraili, Faemeh Azizi & Samaneh Razm Ahang. (2013). Willing to pay in urban forests, finance support from public case study, Shorab Urban Forest in Khoram Abad, Iran. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology*, 5(21) : 5119-5121.
- Rodella, I., Madau, F., Mazzanti, M., Corbau, C., Carboni, D., Utizi, K. & Simeoni, U. (2019). Willingness to pay for management and preservation of natural, semi-urban and urban beaches in Italy. *Ocean. Coast. Manag.*, 172, 93-104.
- Sayan, S., Williams, A. T., Johnson, D. E. & Ünal, Ö. (2011). A pilot study for sustainable tourism in the coastal zone of Antalya, Turkey: Tourists, turtles or both? *J. Coast. Res.*, 64, 1806-1810.
- Subade, R. F. & Francisco, H. A. (2014). Do non-users value coral reefs? Economic valuation of conserving Tubbataha Reefs, Philippines. *Ecol. Econ.*, 102, 24-32.
- Weaver, D. B. & Lawton, L. J. (2007). Twenty years on: The state of contemporary ecotourism research. *Tourism Management*, 28, 1168-1179.
- Weerakoon, Withana N. R. P., Jayasinghe-Mudalige U. K. & Udugama M. M. (2010). *Assessing the Willingness-To-Pay of Local and Foreign Visitors towards Visitor Satisfaction and Sustainable Development of Hurulu Forest Reserve in Sri Lanka : An Application of Contingent Valuation Method*. Faculty of Agriculture and Plantation Management. Wayamba University of Sri Lanka Makandura, Gonawila. Battaramulla, Sri Lanka.
- Zang, F., Wang, X. H., Nunes, P. A. & Ma, C. (2015). The recreational value of gold coast beaches, Australia: An application of the travel cost method. *Ecosyst. Serv.*, 11, 106-114.
- Zulnaidah Manan & Mohd Hakimi Mohd Hanapi. (2010). Penilaian ekonomi Hutan Paya Laut Matang, Perak. Universiti Putra Malaysia, Bangi. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Penilaian Ekonomi Sumber Hutan : Kuala Lumpur (Malaysia)*, 11-13 November 2009, 196-205.